
Rangkaian berita negara Islam perlu saingi Barat

BH 21 JUL 2002

NEGARA Islam perlu menimbang serius keperluan untuk mempunyai sebuah rangkaian saluran berita sendiri, bagi memastikan segala propaganda Barat melalui stesyen televisyen mereka dapat ditangani dengan bijak.

Ketua Jabatan Hubungan Antarabangsa Universiti Baykent, Turki, Prof Ahmet Davutoglu, berkata ketiadaan saluran seperti CNN dan BBC yang dimiliki kuasa Barat, meniadakan Dunia Islam semakin dipandang remeh.

Beliau berkata, kejadian selepas 11 September, 2001, menyaksikan umat Islam di seluruh dunia bukan sahaja dipandang serong, tapi diberi layanan begitu buruk oleh Barat.

"Ketika saya berada di Britain selepas kejadian 911 itu, ada orang bertanya kepada saya sama ada umat Islam boleh diberi kerakyatan Britain atau mana-mana negara berdaulat lain di dunia," katanya kepada peserta Forum Antarabangsa Mengenai Islam (Kalif 2002) yang menyertai Kumpulan Kerja yang berbincang mengenai tema 'Rangkaian peringkat nasional, serantau dan antarabangsa'.

Beliau berkata, ini adalah antara masalah yang dialami oleh dunia Islam hari ini, di samping tidak mempunyai tokoh berwibawa dan dihormati yang boleh menjadi penghubung antara Islam dan Barat.

"Mungkin ada orang berkata Barat dan Timur tidak boleh bertemu, tetapi dalam dunia hari ini mereka boleh berkomunikasi. Justeru, kita tidak mempunyai seorang tokoh komunikator yang boleh bercakap dengan lantang, berani dan tanpa ber-

selindung dengan dunia Barat," katanya.

Bagaimanapun, seorang peserta lain, Datuk Paddy Bowie, pula berkata Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah antara pemimpin Islam yang kini mula didengar suaranya di peringkat antarabangsa.

Katanya, Dr Mahathir memang telah lantang mengkritik Barat sejak lama, tetapi negara besar seperti Amerika Syarikat bertindak seolah-olah 'beliau baru keluar dari almari' selepas kejadian 911.

"Bagaimanapun, kejadian itu menyerlahkan ketokohan Dr Mahathir sebagai pemimpin Islam yang berani dan lantang," katanya.

Katanya, kejayaan Malaysia mencatat kedudukan sebagai antara negara termaju di kalangan negara Islam lain, ketokohan Dr Mahathir serta kemakmuran dan keamanan yang dikecapi oleh masyarakat Malaysia bukan Islam adalah antara faktor mengapa Malaysia menjadi tumpuan hari ini.

Beliau seorang kristian tetapi telah lama menetap di negara ini, turut berkata walaupun majoriti rakyat Malaysia beragama Islam, namun amalan Islamnya adalah lebih liberal dan tidak mengekang kemajuan sesiapa terutama kaum wanita.

"Kita perlu dedahkan cerita ini kepada dunia luar terutama Barat mengenai kehadiran sebuah negara Islam seperti Malaysia. Barat sentiasa memandang remeh terhadap Islam, tapi negara seperti Malaysia tidak mengamalkan sikap ekstrim. Lihat saja wanita Islam di sini, mereka tidak dilayan seperti wanita di Afghanistan," katanya.